

04/04/2000

Pak Lah puas hati prestasi Ahli Parlimen

reports on "Dewan Rakyat" by Jamhariah Jaafar; Magendran Rajagopal  
KUALA LUMPUR, Isnin - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad  
Badawi berpuas hati dengan prestasi Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN)  
ketika sesi persidangan Parlimen kali ini.

Abdullah yang juga Ketua Whip BN berkata, sehingga kini beliau belum  
menerima sebarang aduan berhubung prestasi penyokong kerajaan.

Beliau berkata, sekiranya adalah aduan ia hanya membabitkan Timbalan  
Menteri dan Setiausaha Parlimen yang memberi jawapan terlalu panjang  
terutama ketika menggulung perbahasan peringkat jawatankuasa kementerian  
yang berlangsung sekarang.

Selain itu katanya, antara masalah yang dikenal pasti ialah kekurangan  
masa membahaskan semua rang undang-undang yang dibentang.

"Dalam keadaan sekarang, semua Ahli Parlimen nak cakap, (kalau) kita  
beri peluang, kita tak boleh habis perbahasan rang undang-undang," katanya  
ketika ditemui di lobi Parlimen, semalam.

Menjawab soalan lain, Abdullah berkata beliau akan berbincang dengan  
Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sama ada Dewan Rakyat  
Yang ke-10 Penggal Kedua Mesyuarat Pertama yang bersidang sekarang, perlu  
dilanjutkan.

Katanya, beliau menyedari jadual persidangan kini semakin suntuk  
berikutan perbahasan Belanjawan 2000 peringkat jawatankuasa sehingga  
semalam baru membabitkan 14 kementerian dan ada sembilan lagi kementerian  
yang perlu diselesaikan.

Dewan yang bersidang sejak 15 Februari lalu ketika ini memasuki  
perbahasan Belanjawan 2000 peringkat jawatankuasa. Perbahasan berkenaan  
mengikut jadual sepatutnya selesai pada Rabu ini, bagaimanapun ia dijangka  
akan mengambil masa tambahan sekurang-kurangnya satu hari.

Di samping itu, terdapat 14 rang undang-undang perlu dibentangkan  
sebelum sidang dijadualkan berakhir pada 13 April depan.

(END)